



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	18/9/2011

# 'Komunis bukan pejuang'

## Usaha penulisan semula sejarah negara wajar dilakukan

Oleh Meor Hisham Zulkifli  
sham@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju usaha menulis semula sejarah wajar dilakukan bagi mengiktiraf lebih ramai lagi pejuang kemerdekaan negara, tetapi ia tidak bermakna boleh mengangakat orang seperti pemimpin komunis, Chin Peng untuk berada dalam senarai itu.

Bekas Perdana Menteri berkata, cubaan pihak tertentu mengagungkan pemimpin komunis dan memburukkan pejuang kemerdekaan adalah gambaran terhadap usaha untuk mengurangkan sokongan terhadap UMNO yang berjuang memerdekakan Malaysia.

Katanya, golongan terbabit menimbulkan isu berkenaan kerana ramai pemimpin yang berjuang untuk kemerdekaan negara adalah pemimpin UMNO.

"Mereka cuba untuk mem-

burukkan (pemimpin UMNO)... kalau mereka iktiraf Tunku Abdul Rahman, maka mereka mengiktiraf perjuangan UMNO. Jadi itu hasrat mereka bertujuan mendapat sokongan pada pilihan raya," katanya pada program Bicara Negerawan yang disiarkan TV1, malam kelmarin.

Isu berkaitan pejuang kemerdekaan dan komunis dicituskan Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu ketika berceramah di Tasek Gelugor, Pulau Pinang, Ogos lalu apabila dilapor menidakan pengorbanan 25 anggota keselamatan dan keluarga mereka dalam tragedi Bukit Kepong selain menggambarkan komunis dan tali barut pergerakan itu sebagai pejuang.

Dr Mahathir berkata, apa yang cuba diketengahkan itu tidak berlandaskan kepada kebenaran kerana perjuangan komunis yang ingin melucutkan kuasa British, membolot kuasa dan menubuhkan peme-

rintahan kuku besi.

"Perjuangan Tunku Abdul Rahman untuk membolehkan semua kaum mendapat nikmat kemerdekaan. Komunis sebaliknya... sanggup mengganas dan membunuh kerana ingin membolot kuasa. Itu bukan cara Tunku dan pemimpin lain," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pelbagai kaum di negara ini mesti menerima hakikat bahawa semua tuntutan mereka tidak dapat dipenuhi kerajaan.

Katanya, perkara membatkan tuntutan sama rata boleh diperbetulkan kembali dengan memberikan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat pelbagai kaum di negara ini mengenai prinsip yang diamalkan sejak penubuhan Malaysia.

"Apabila hidup dalam negara berbilang kaum, kita kena terima hakikat tidak akan dapat satu per satu daripada apa yang kita anggap sebagai hak," katanya.

